

## WAKAF PERKHIDMATAN: PERSPEKTIF FIQH DAN CADANGAN PELAKSANAAN

### Service Waqf: Fiqh Perspectives and Recommendations on Implementation

Zubair Amir<sup>1</sup>  
Nur Mardia Mazri<sup>2</sup>  
Muhammad Ikhlas Rosele<sup>3</sup>  
Luqman Abdullah<sup>4</sup>

#### ABSTRACT

*Waqf is one of the Islamic philanthropies that can help improve the socio-economics of a society through humanitarian services and waqf is not limited to assets. In developing waqf property, the issue of manpower and management costs is a challenge for managers because it involves large and continuous funds. There is a need to clarify the law of using cash waqf to finance the cost of human resources. The objective of this study is to clarify the necessity of service waqf as well as its application in the development of waqf property through jurisprudential debate. This study uses*

<sup>1</sup> Corresponding Author. Ph.D Candidate, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, zubairislah@gmail.com

<sup>2</sup> Ph.D Candidate, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, mardya94@gmail.com

<sup>3</sup> Associate Professor, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, ikhlas@um.edu.my

<sup>4</sup> Associate Professor, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, luqmanabdullah@um.edu.my

*a qualitative method by gathering the views of jurists regarding cash waqf, waqf benefit, and permanent conditions on mawqūf. The data is then analyzed and appropriate views are presented taking into account the current situation in Malaysia. The findings of the study show that the appropriate service waqf implementation is through the contribution of benefits to the public by donating the service wage payment to a waqf body. Therefore, the contribution of the benefit is named a service waqf scheme which consist of a voluntary contribution of expertise to the community. This kind of implementation is permissible according to the majority of jurists who allowed cash waqf. In order to encourage the community to give waqf through this scheme, the wāqif can get an income tax deduction from the amount of labor wages that is waqf. In addition, the company can introduce a program in the form of volunteering to encourage the contribution of expert energy for free by branding it as a service waqf contribution.*

**Keywords:** *service waqf, labour wages, cash waqf, volunteer, fiqh perspectives*

## **PENDAHULUAN**

Wakaf merupakan salah satu daripada instrumen pembangunan sosial Islam selain zakat dan sedekah. Wakaf mempunyai ciri istimewanya berbanding instrumen kewangan sosial yang lain iaitu manfaatnya mestilah bersifat kekal. Majoriti fuqaha mensyaratkan sifat kekal dalam aset wakaf bagi memastikan manfaatnya dinikmati oleh benefisiari secara berterusan serta pewakaf beroleh pahala yang mengalir sehingga selepas mati.<sup>5</sup>

Pembangunan wakaf di Malaysia masih berada pada kedudukan yang baik sekalipun berhadapan dengan pelbagai cabaran. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh penggerak wakaf khususnya Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang berperanan sebagai pemegang amanah tunggal (*sole trustee*) wakaf di Malaysia. Pembangunan wakaf berkembang selari dengan perkembangan aset-aset kewangan seperti pelaburan wakaf melalui sukuk, *crowdfunding*, aset digital dan sebagainya. Wakaf tidak hanya terhad kepada harta

---

<sup>5</sup> Wizārah al-Awqāf, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, vol. 44 (Kuwait: Dār al-Salāsīl, 2010), 123.

berbentuk aset sama ada aset alih atau tidak alih, namun sumbangan yang memberi manfaat kepada benefisiari juga harus diambil kira. Malah, sumbangan berbentuk perkhidmatan, servis dan kepakaran juga boleh dimanfaatkan oleh masyarakat. Sehingga kini, wakaf berbentuk perkhidmatan belum dimasyhurkan atau diamalkan oleh penggerak wakaf di Malaysia. Sedangkan keperluannya bagi membangunkan harta wakaf melalui wakaf kesihatan, wakaf pendidikan, termasuk pengurusan masjid dan surau memerlukan kepada dana untuk membiayai tenaga kerja dalam menguruskan harta wakaf tersebut.<sup>6</sup> Selain itu, beberapa cadangan pelaksanaan wakaf perkhidmatan perlu dianalisis dari perspektif hukum fikah khususnya melibatkan elemen kekal dalam harta wakaf. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis pandangan-pandangan ulama mengenai wakaf perkhidmatan menurut perspektif fikah serta kaedah pelaksanaan yang praktikal supaya menjadi panduan ahli-ahli akademik dan penggerak wakaf di Malaysia.

## KONSEP WAKAF DALAM ISLAM

Wakaf berasal daripada perkataan bahasa arab *waqafa* (وقف) yang membawa maksud berhenti (السكن), menegah (المنع) dan menahan (الحبس)<sup>7</sup>. Kepelbagaian makna perkataan itu mengikut *siyāq* atau penggunaan ayat itu sendiri. Daripada definisi bahasa ini, pemilikan harta tersebut beralih daripada pemilikan individu kepada pemilikan Allah SWT.<sup>8</sup>

Menurut Imam Abū Ḥanīfah, wakaf adalah menahan sesuatu aset atau harta milik pewakaf dan manfaatnya disedekahkan ke jalan kebajikan.<sup>9</sup> Manakala, pandangan yang muktamad dalam mazhab Ḥanafī daripada *ṣāhibayn* mendefinisikan wakaf sebagai menahan pemilik harta daripada harta tersebut dengan berpindah pemilikan kepada Allah SWT serta mengalihkan manfaatnya kepada golongan yang dikehendaki oleh pewakaf.<sup>10</sup> Mazhab Shāfi‘ī mendefinisikan wakaf sebagai penahanan harta

<sup>6</sup> Rosidi Hussain (Mantan Ketua Pegawai Eksekutif, Wakaf Pulau Pinang), dalam temu bual bersama penulis, 26 September 2023.

<sup>7</sup> Ibn Manzūr, Muḥammad ibn Mukarram, *Lisān al-‘Arab*, vol. 9 (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1990), 359.

<sup>8</sup> Al-Jurjānī, ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Alī al-Jurjānī, *al-Ta’rīfāt* (Bayrūt: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, 1983), 253.

<sup>9</sup> Zayn al-Dīn ibn Nujaym al-Ḥanafī, *al-Baḥr al-Rā‘iq fī Sharḥ al-Kanz al-Daqā‘iq*, vol. 5 (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, t.t.), 202.

<sup>10</sup> Ibn ‘Ābidīn, *Ḥāshiyah Radd al-Muḥtār*, vol. 4 (Bayrūt: Dār al-Fikr, 2000), 338.

yang berkekalan dan harta tersebut dapat dimanfaatkan dalam bentuk kebajikan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Pemilik harta tersebut akan terputus hak miliknya.<sup>11</sup> Imam Aḥmad bin Ḥanbal menyatakan bahawa menahan hak *taṣarruf* secara mutlak ke atas barangan harta yang boleh dimanfaatkan serta kekal asetnya dengan memutuskan *taṣarruf* ke atas aset itu dari pihak pewakaf atau orang lain ke arah kegunaan yang harus atau diguna pakai hasilnya ke arah kebaikan dan kebajikan dengan tujuan *taqarrub* (mendamping diri) kepada Allah SWT.<sup>12</sup>

Amalan wakaf ini sabit melalui nas-nas yang disepakati oleh para ulama iaitu al-Quran dan Sunnah. Antara dalil pensyariatian wakaf menurut al-Quran ialah Firman Allah SWT:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ  
﴿٩٢﴾

“Kamu tidak sekali-kali akan mencapai kebaikan (yang sempurna) sehingga kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi, dan apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui”.

(Surah Ali ‘Imrān, 3: 92)

Berdasarkan riwayat daripada al-Daḥḥāk, ayat ini diturunkan berkaitan kisah ‘Uthmān Ibn ‘Affān RA ketika beliau mewakafkan telaga *al-rūmah* sekaligus menunjukkan bahawa perbuatan “*menderma daripada sebahagian harta yang kamu sayangi*” itu adalah perbuatan berwakaf.<sup>13</sup>

Pensabitan melalui hadis Nabi SAW pula boleh dilihat menerusi sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abū Hurayrah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ  
عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

<sup>11</sup> Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Khaṭīb, *al-Iqnā’ fī Ḥal al-Alfāz Abī Shujā’*, vol. 2 (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1431H), 360.

<sup>12</sup> ‘Alā’ al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Sulaymān al-Mardāwī, *al-Inṣāf fī Ma’rifah al-Rājiḥ min al-Khilāf*, vol. 7 (Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1431H), 3.

<sup>13</sup> Al-Qurṭubī, *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān Tafsīr al-Qurṭubī*, vol. 20 (Qāhirah: Dār al-Kutub ‘Ilmiyyah, 1964), 58.

*“Apabila mati anak Adam, terputuslah amalannya melainkan tiga perkara: Sedekah jariah, atau ilmu yang dimanfaatkan, atau anak soleh yang mendoakan untuknya”*.<sup>14</sup>

Menurut Imam al-Nawawī, sedekah jariah di dalam hadis ini merujuk kepada wakaf.<sup>15</sup>

Konsep sedekah jariah ini merupakan satu ciri istimewa ibadah wakaf serta menggalakkan umat Islam untuk berwakaf. Wakaf juga merupakan suatu instrumen kewangan sosial yang mampu memberi impak positif kepada pembangunan masyarakat. Oleh itu, perbincangan mengenai pembangunan wakaf terus menjadi perbincangan yang relevan sepanjang zaman kerana wakaf juga berkembang seiring dengan perkembangan sains dan teknologi dalam pelbagai sektor.

## KAJIAN LEPAS

Wakaf perkhidmatan merupakan salah satu daripada sub-topik berkaitan rukun wakaf ketiga iaitu *al-mawqūf*. Berdasarkan pengamatan pengkaji, terdapat pelbagai istilah digunakan dalam kajian akademik berkaitan wakaf perkhidmatan. Di Malaysia sehingga kini, wakaf perkhidmatan tidak diaplikasikan secara meluas kerana konsepnya yang dilihat bertentangan dengan prinsip asas wakaf yang mensyaratkan aset berbentuk fizikal atau kekal menurut pendapat majoriti ulama.<sup>16</sup> Terdapat lima negeri sahaja yang mengiktiraf ‘Wakaf Perkhidmatan’ dalam enakmen mereka iaitu Negeri Melaka, Negeri Sembilan, Terengganu, Selangor dan Perak.<sup>17</sup> Sebagai contoh, negeri Selangor merupakan antara negeri yang memasukkan perkhidmatan sebagai sesuatu yang boleh diwakafkan. Perkara ini disebutkan dalam Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015, pada Perkara 20:

<sup>14</sup> Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 5 (Turkiyā: Dār al-Ṭibā‘ah al-‘Āmarah), 73, ‘Bāb Mā Yalḥaqu al-Insān min al-Thawāb Ba‘da wa Fātihi’, no. *ḥadīth* 1631.

<sup>15</sup> Abū Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf al-Nawawī, *Sharḥ al-Nawawī ‘alā Muslim*, vol. 11 (Bayrūt, Lubnan: Dār Iḥyā’ Turāth ‘Arabī, 1392H), 85.

<sup>16</sup> Mohd. Fairuz Md. Salleh et al., *Perakaunan Aset Wakaf di Malaysia: Cadangan Pengolahan Perakaunan dan Pelaporan*, ed. Salmy Edawati Yaacob (Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), 2022), 38.

<sup>17</sup> Mohd. Fairuz Md. Salleh et al., *Perakaunan Aset Wakaf di Malaysia: Cadangan Pengolahan Perakaunan dan Pelaporan*, 38.

*“Mawqūf boleh terdiri daripada:- (a) harta alih; (b) harta tak alih; (c) manfaat; (d) harta intelek; (e) kepakaran atau perkhidmatan”.*

Walau bagaimanapun, di kebanyakan negeri, wakaf perkhidmatan ini hanya bersifat cadangan kerana belum diaplikasikan secara meluas.<sup>18</sup> Sehingga kini, hanya negeri Selangor melalui Perbadanan Wakaf Selangor memasukkan ‘Wakaf Perkhidmatan’ sebagai salah satu daripada produk wakaf yang ditawarkan. Menurut mereka:

*“Wakaf perkhidmatan ialah kepakaran dan perkhidmatan yang mempunyai nilai mengikut hukum syarak”.*<sup>19</sup>

Selain itu, khidmat tenaga kerja juga merupakan salah satu bentuk sumbangan tenaga secara manfaat yang diperselisihkan pandangannya dalam kalangan ulama.

Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan berhubung perkara ini, antaranya adalah kajian mengenai hukum wakaf perkhidmatan oleh Ikhwan Megat et al.<sup>20</sup> Selain itu, sebuah kajian mengenai potensi wakaf perkhidmatan turut dibahaskan oleh Tariq Rahmalan dan Abu Husin (2021)<sup>21</sup> Namun, kajian-kajian ini hanya membawakan kajian hukum secara ringkas mengenai wakaf perkhidmatan dan memfokuskan terhadap keperluan pelaksanaannya. Sebuah kajian berbahasa Indonesia merujuk kepada wakaf perkhidmatan yang dinamakan sebagai wakaf profesi. Kajian ini telah dibangunkan oleh Lembaga Wakaf Tazakka di Indonesia melalui wakaf arkitek dan kejuruteraan.<sup>22</sup> Syauqi Ahmad Dunya telah membahaskan konsep sumbangan tenaga kerja dengan menamakannya sebagai *al-waqf al-a‘māl* yang diungkapkannya sebagai kerja-kerja

---

<sup>18</sup> Mohd. Fairuz Md. Salleh et al., *Perakaunan Aset Wakaf di Malaysia: Cadangan Pengolahan Perakaunan dan Pelaporan*, 129.

<sup>19</sup> Perbadanan Wakaf Selangor, ‘Produk Wakaf Selangor’, *Perbadanan Wakaf Selangor*, <https://www.wakafselangor.gov.my/produk-wakaf-selangor/>, diakses 5 Januari 2024.

<sup>20</sup> Muhammad Ikhwan Megat Saidi, Mat Noor Mat Zain & Salmy Edawati Yaacob, ‘Wakaf Perkhidmatan Menurut Perspektif Islam’, *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, vol. 31/1 (2023): 141-149.

<sup>21</sup> Muhammad Tariq Rahmalan & Mohd Fauzi Abu Hussin, ‘A Systematic Review of Contemporary and Innovative *Waqf* Sources: Cash and Service *Waqf*’, *Jurnal Syariah*, vol. 29/2 (2021): 257-284, <https://doi.org/10.22452/js.vol29no2.5>.

<sup>22</sup> Doni Setiadi, ‘Wakaf Profesi Dalam Perspektif Fiqih dan Undang-Undang Wakaf di Indonesia (Studi di Pondok Modern Tazakka)’ (Disertasi Master, Ilmu Agama Islam, Hukum Keluarga, UIN Walisongo, Semarang, 2019).

kebajikan yang bersifat sukarela tanpa mengharapkan balasan.<sup>23</sup> Menurut Rosidi Hussain, wakaf perkhidmatan juga berupaya melicinkan urusan pengurusan wakaf dan menjamin kelestarian wakaf. Namun, pelaksanaannya tidak dapat dijalankan kerana belum ada fatwa yang mengharuskan wakaf perkhidmatan ini.<sup>24</sup>

Menurut Farah Nadia Abbas, terdapat keperluan penyediaan model pengurusan wakaf yang menepati syariah (*shariah compliance*). Panduan-panduan sedia ada yang diterbitkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) serta Piawai Shariah Nombor 22 yang dikeluarkan oleh AAOIFI hanya bersifat garis panduan umum berkaitan wakaf, namun pelaksanaannya secara praktikal perlu diperhalusi oleh pihak nazir wakaf.<sup>25</sup> Pengkaji melihat di samping perbahasan secara ilmiah mengenai wakaf perkhidmatan menurut perspektif fikah, cadangan aplikasi yang bersesuaian juga perlu dikemukakan. Kepentingan sebarang keputusan atau tindakan yang dilakukan oleh nazir hendaklah bertepatan dengan hukum syarak juga dinyatakan dalam Enakmen Wakaf Negeri. Sebagai contoh, Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999 pada Perkara 46 (1) menyatakan bahawa:

*“Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang berlawanan dengan hukum syarak hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu”.*

Keputusan-keputusan yang dilakukan oleh Pusat Wakaf Negeri adalah terikat dengan kelulusan daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri. Perkara-perkara melibatkan *istibdāl*, kadar upah nazir dan dasar-dasar berkaitan wakaf tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri. Justeru, pelaksanaan skim atau produk wakaf baru yang belum ada asas keharusannya seperti Skim Wakaf Perkhidmatan ini, juga tidak terlepas daripada prosedur ini. Rosidi Hussain menjelaskan bahawa sehingga kini, belum ada negeri-negeri di Malaysia yang mengizinkan pelaksanaan wakaf perkhidmatan kerana melibatkan beberapa isu seperti elemen kekal dalam

<sup>23</sup> Shawqī Aḥmad Duniyā, ‘Waqf al-Manāfi‘ wa al-Huqūq’, *Mu’tamar al-Thānī li al-Awqāf bi al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa’ūdiyyah* (Madīnah: Jāmi’ah Umm al-Qurā, 2006).

<sup>24</sup> Rosidi Hussain (Mantan Ketua Pegawai Eksekutif, Wakaf Pulau Pinang), dalam temu bual bersama penulis, 26 September 2023.

<sup>25</sup> Farah Nadia Abbas, ‘Shariah Compliant Best Practice Tenancy Management Framework For Commercial Waqf Properties’ (Ph.D Tesis, Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia, 2019), 216-218.

fatwa wakaf tunai.<sup>26</sup> Menurut Mohd Fairuz, wakaf perkhidmatan adalah wakaf yang dilakukan oleh seseorang yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu seperti bidang teknologi maklumat (IT), doktor, pensyarah, arkitek dan lain lain lagi, dengan mewakafkan kepakarannya kepada masyarakat yang boleh mendatangkan manfaat buat umat Islam sehingga akhir zaman.<sup>27</sup>

Menjadi cabaran bagi pihak MAIN untuk menggerakkan projek-projek berbentuk wakaf perkhidmatan di universiti, masjid, hospital dan lain-lain kerana kurangnya pendedahan kepada masyarakat berkenaan wakaf daripada sudut ini. Selain itu, permasalahan hukum juga menjadi persoalan memandangkan wakaf kebiasaannya dikaitkan dengan harta berbentuk fizikal atau harta intelek. Oleh itu, wakaf perkhidmatan ini perlu diperbahaskan dari sudut perspektif fikah kerana terdapat keperluan untuk mengamalkannya di negara Malaysia. Pembangunan wakaf kesihatan, pendidikan, hartanah dan sebagainya melibatkan sumbangan sumber tenaga pakar seperti kepakaran doktor dalam wakaf kesihatan, kepakaran pensyarah dan guru dalam wakaf pendidikan, kepakaran arkitek dan jurutera dalam wakaf hartanah dan sebagainya memerlukan kepada penjelasan hukum syarak menurut perspektif fikah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan dua kaedah utama iaitu kajian kepustakaan dan kaedah analisis. Kajian kepustakaan digunakan bagi mengkaji pandangan para ulama terhadap hukum mewakafkan tenaga kerja atau mewakafkan manfaat dengan merujuk kepada kitab-kitab *turāth*, berserta kajian-kajian semasa daripada dalam dan luar negara. Pandangan-pandangan ulama pelbagai mazhab melibatkan isu wakaf manfaat, wakaf harta alih serta syarat kekal (*ta'abūd*) dikaji bagi mengaitkannya dengan wakaf perkhidmatan yang mempunyai kaitan rapat dengan isu-isu tersebut.

Selain itu, penulis turut merujuk kepada enakmen-enakmen wakaf serta keputusan fatwa daripada pihak berautoriti seperti Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Majlis Ulama Indonesia dan Majma' al-Fiqh al-Islāmī.

---

<sup>26</sup> Rosidi Hussain (Mantan Ketua Pegawai Eksekutif, Wakaf Pulau Pinang), dalam temu bual bersama penulis, 26 September 2023.

<sup>27</sup> Mohd. Fairuz Md. Salleh et al., *Perakaunan Aset Wakaf di Malaysia: Cadangan Pengolahan Perakaunan dan Pelaporan*, 129.



Seterusnya adalah kaedah analisis data. Dapatan kajian daripada sumber-sumber primer dan sekunder dianalisis secara deskriptif dengan menghuraikan dapatan kajian selaras dengan objektif dan permasalahan kajian. Dapatan daripada sumber kepustakaan seperti pandangan-pandangan ulama, keputusan fatwa dan enakmen-enakmen dianalisis bagi mengenalpasti pandangan ulama yang mengharuskan pelaksanaan wakaf perkhidmatan serta ulama yang tidak mengharuskannya. Pengkaji melakukan pentarjihan pandangan berdasarkan kekuatan dalil dan kesesuaian dari sudut aplikasi semasa (*waqi'ī*). Seterusnya, dapatan-dapatan mengenai wakaf perkhidmatan ini dinilai dari sudut praktikalitinya dalam pengurusan harta wakaf di Malaysia bagi menghasilkan satu cadangan aplikasi wakaf perkhidmatan yang praktikal untuk dilaksanakan oleh badan-badan wakaf yang menepati ketetapan hukum syarak.

## KONSEP WAKAF PERKHIDMATAN

Terdapat pelbagai istilah yang digunakan oleh para pengkaji yang merujuk kepada wakaf perkhidmatan seperti *waqf al-khadamāt*, *waqf a'māl khayrī*, wakaf profesi dan wakaf tenaga.

Wakaf perkhidmatan dalam perbahasan mazhab tidak disebutkan secara langsung oleh para ulama. Kandungan wakaf perkhidmatan boleh didapati daripada beberapa istilah dalam kitab fikah, namun keharusannya untuk diwakafkan diperselisihkan dalam kalangan mereka. Antaranya Imam al-Nawawī (w. 676H) menggunakan lafaz "*wa lā waqfu ḥurri nafsihi*" iaitu seseorang yang merdeka mewakafkan dirinya sendiri. Menurut beliau, wakaf tersebut dihukumkan sebagai tidak sah kerana diri seseorang itu tidak dimiliki olehnya.<sup>28</sup> Menurutnya lagi, tidak sah juga wakaf manfaat sama ada secara bertempoh atau kekal, tanpa mewakafkan fizikalnya.<sup>29</sup> Selain itu, Imam al-Buhūṭī (w. 1051H) menggunakan lafaz wakaf khidmat seorang hamba yang juga dihukumkan sebagai tidak sah. Walau bagaimanapun, 'Abd Raḥman al-Ḥanbalī (w. 1392H) berbeza pandangan dan menghukumkannya sebagai sah kerana ia disamakan dengan hukum

<sup>28</sup> Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Khaṭīb al-Sharbīnī al-Shāfi'ī, *Mughnī al-Muḥtāj ilā al-Ma'rifah Ma'ānī al-Alfāz al-Minhāj*, vol. 3 (Cairo, Egypt: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1994M/1415H), 526.

<sup>29</sup> Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Khaṭīb al-Sharbīnī al-Shāfi'ī, *Mughnī al-Muḥtāj ilā al-Ma'rifah Ma'ānī al-Alfāz al-Minhāj*, 526.

wakaf-wakaf yang lain seperti wakaf binaan, wakaf baju untuk dimanfaatkan oleh fakir miskin, atau wakaf kuda untuk ditunggang.<sup>30</sup>

Manakala kajian kontemporari berkenaan wakaf perkhidmatan, pengkaji seperti Hasan Rifā'ī menggunakan istilah *waqf al-a'māl al-mu'aqqat* dengan mendefinisikannya sebagai mewakafkan waktu tertentu bagi usaha seseorang berbentuk fizikal atau intelektual yang boleh mendatangkan manfaat yang diiktibar oleh syarak serta terzahir berbentuk individu, atau secara berjemaah untuk tujuan kebaikan.<sup>31</sup> Menurut Doni Setiadi, wakaf profesi adalah wakaf dalam bentuk keahlian atau profesi dari seseorang kepada nazir.<sup>32</sup> Menurut Syauqi Ahmad Dunya, wakaf tenaga manusia dilakukan melalui sumbangan manfaat yang diberikan kepada masyarakat kerana syariat mengiktiraf hak tenaga manusia seperti upah perkhidmatan atau kepakaran.<sup>33</sup> Menurut Rosidi Hussain, wakaf perkhidmatan diberikan melalui penubuhan tabung dana *waqf al-khadamāt* yang dikutip secara tunai daripada orang ramai supaya manfaat daripada aset wakaf berkekalan. Dana ini digunakan dalam bentuk gaji, elaun, emolumen atau apa-apa saguhati dan imbuhan kepada pekerja yang berkhidmat untuk sektor wakaf seperti imam masjid, pensyarah di universiti wakaf, doktor di hospital dan lain-lain.<sup>34</sup>

Wakaf mempunyai empat rukun yang mesti dipenuhi iaitu *wāqif* (pewakaf), *mawqūf* (harta yang diwakafkan), *ṣīghah* (lafaz wakaf) dan *mawqūf 'alayh* (penerima manfaat wakaf). Perbahasan wakaf perkhidmatan menurut perspektif fikah harus merujuk kepada sejauh mana ia menepati rukun-rukun wakaf yang telah disebutkan.

Wakaf perkhidmatan dalam kitab-kitab fikah turut dikenali dengan nama-nama lain seperti wakaf tenaga, *waqf al-khadamāt* dan *waqf al-manfa'ah*. Bagi melicinkan pentadbiran insititusi wakaf untuk pelbagai sektor sama ada wakaf kesihatan, wakaf pendidikan dan sebagainya, tenaga pakar ini perlu diberikan upah atas khidmat yang mereka berikan. Oleh itu,

---

<sup>30</sup> 'Abd al-Raḥman bin Muḥammad bin Qāsim al-Ḥanbalī, *Hāshiyah al-Rawḍ al-Murabba' Sharḥ Zād al-Mustaqna'*, vol. 5 (t.t.p.: t.p., 1977), 535.

<sup>31</sup> Hasan Muḥammad Rifā'ī, *Waqf al-'Amal al-Mu'aqqat fī al-Fiqh al-Islāmī* (Kertas Kerja Mu'tamar al-Thānī li al-Awqāf, Jāmi'ah Umm al-Qurā, Makkah al-Mukarramah, al-Sa'ūdiyyah, 2006), 12.

<sup>32</sup> Doni Setiadi, 'Wakaf Profesi Dalam Perspektif Fiqih dan Undang-Undang Wakaf di Indonesia (Studi di Pondok Modern Tazakka)' (Disertasi Master, Ilmu Agama Islam, Hukum Keluarga, UIN Walisongo, Semarang, 2019).

<sup>33</sup> Shawqī Aḥmad Dunyā, 'Waqf al-Manāfi' wa al-Huqūq', 14.

<sup>34</sup> Rosidi Hussain (Mantan Ketua Pegawai Eksekutif, Wakaf Pulau Pinang), dalam temu bual bersama penulis, 26 September 2023.

upah tersebut diberikan dengan kadar kebiasaan mengikut kepakaran masing-masing.

Ketika penularan pandemik Covid-19 sekitar tahun 2020 hingga 2021, keharusan wakaf tenaga ini menjadi perbincangan dalam kalangan ahli akademik. Dalam konteks wakaf kesihatan, wakaf bangunan hospital serta peralatan perubatan dianggap telah selesai perbincangannya, walau bagaimanapun perkhidmatan kesihatan memerlukan kepada tenaga pakar untuk berkhidmat dalam sektor tersebut. Muhammad Firdaus mencadangkan konsep wakaf perkhidmatan ini untuk membantu pihak kerajaan menghadapi krisis kesihatan akibat daripada pandemik covid-19.<sup>35</sup> Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wakaf Malaysia, Amir Shaharuddin, wakaf perkhidmatan merupakan suatu perbincangan baru yang sedang dibincangkan di peringkat nasional ketika ini.<sup>36</sup>

Menurut hukum Islam, keharusan wakaf perkhidmatan ini harus dilihat daripada pandangan para ulama dalam rukun wakaf *mawqūf* (harta yang diwakafkan) iaitu mengenai isu wakaf harta alih (*manqūl*) dan elemen kekal dalam *mawqūf*. Selain itu, wakaf perkhidmatan juga berkait rapat dengan hukum wakaf manfaat yang telah dibahaskan oleh para fuqaha.

## 1. Wakaf Tunai

Berdasarkan definisi yang dikemukakan, keharusan wakaf perkhidmatan adalah tertakluk kepada keharusan wakaf tunai kerana ia melibatkan wang tunai yang perlu diberikan kepada pihak yang berkhidmat. Bagi mendapatkan hukum berkenaan wakaf tunai, perlu dilihat syarat-syarat sesuatu aset itu boleh dianggap sebagai harta wakaf. Adakah wang (tunai) itu boleh dianggap sebagai aset wakaf. Justeru bagi mendalami isu wakaf tunai, maka perbincangan mengenai keharusan harta alih (*waqf al-manqūl*) sebagai harta wakaf menurut perspektif fuqaha. Dalam isu ini, jumhur fuqaha daripada mazhab Mālikī, Shāfi‘ī dan Ḥanbalī mengharuskan wakaf harta alih. Manakala mazhab Ḥanafī tidak mengharuskannya, namun mereka memberikan pengecualian kepada 3 perkara iaitu:

<sup>35</sup> Muhammad Firdaus Ab Rahman, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi, Azman Ab Rahman & Siti Farahiyah Ab Rahim, 'Peranan Wakaf Dalam Mendepani Pandemi Covid-19', *Journal of Fatwa Management and Research*, vol. 22/1 (2020): 56, <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol22no1.323>.

<sup>36</sup> Hanneeyzah Bariah Baharin, 'Doktor, Pensyarah Boleh Wakaf Perkhidmatan', *Berita Harian*, <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/07/590951/doktor-pensyarah-boleh-wakaf-perkhidmatan>, diakses 31 Julai 2019.

- Harta alih yang *tābi* ‘ kepada harta kekal iaitu ia merupakan sebahagian daripada harta tidak alih
- Harta alih yang disebutkan secara jelas dalam nas seperti alatan perang, kuda, baju besi dan sebagainya.
- Harta alih yang diterima secara uruf seperti mewakafkan al-Quran, buku-buku agama dan sebagainya.

Tambahan pula, mazhab Mālikī mengharuskan wakaf aset yang tidak bersifat kekal seperti nilai dan manfaat.<sup>37</sup> Oleh itu, termasuk dalam keharusan ini adalah wakaf yang diberikan secara tunai. Manakala, menurut mazhab Shāfi‘ī, keharusan wakaf tunai adalah bergantung kepada keharusan wakaf wang (*ijārah al-nuqūd*). Dalam isu ini, Imam Abū Ishāq al-Shīrāzī menyatakan bahawa:

واختلف أصحابنا في الدراهم والدنانير فمن أجاز إجارتها أجاز وقفها ومن لم يجز إجارتها لم يجز وقفها

*“Aṣḥāb Shāfi‘īyyah berselisih pandangan mengenai wakaf dirham dan dinar. Bagi mereka yang mengharuskan sewaan (dirham dan dinar), maka harus mewakafkannya. Manakala mereka yang mengharamkan sewaan (dirham dan dinar) maka mereka mengharamkan wakaf dengannya”.*<sup>38</sup>

Pandangan yang mengharuskan sewaan dirham dan dinar ini adalah sewaan bagi tujuan perhiasan kerana perkara tersebut boleh dimanfaatkan dengan mengekalkan zat wang tersebut.<sup>39</sup> Pandangan ini merupakan pandangan *muqābil aṣaḥ* dalam mazhab Shāfi‘ī. Justeru, berdasarkan kenyataan Imam Abū Ishāq al-Shīrāzī, persamaan antara keharusan sewaan dirham dan dinar dengan wakaf tunai adalah dari sudut manfaat asal bagi keduanya untuk dijadikan sebagai mata wang yang mempunyai nilai serta boleh digunakan untuk mendapatkan barang keperluan.<sup>40</sup> Memandangkan maksud asal bagi wang tunai adalah nilainya, maka ia boleh diwakafkan sama ada berbentuk manfaat atau nilai bagi dimanfaatkan oleh *mawqūf ‘alayh* dengan syarat dikekalkan nilai asalnya.

<sup>37</sup> Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Arfaḥ al-Dusūqī, *Hāshiah al-Dusūqī ‘alā al-Sharḥ al-Kabīr*, vol. 4 (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1431H), 76.

<sup>38</sup> Al-Shīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin ‘Alī bin Yūsuf, *al-Muḥadḥab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, vol. 2 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 323.

<sup>39</sup> Wizārah al-Awqāf, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, vol. 41, 193.

<sup>40</sup> Wizārah al-Awqāf, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 194.

Fatwa-fatwa dan enakmen yang dipakai oleh negeri-negeri di Malaysia memilih pandangan majoriti fuqaha dalam keharusan wakaf tunai ini iaitu dana wakaf tunai ini hanya boleh digunakan untuk membeli aset kekal ('*aqār*') atau mudah alih (*manqūl*) yang mempunyai elemen kekal dan boleh dipelihara fizikalnya.

Keputusan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali Ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 bahawa hukum wakaf tunai adalah harus. Majlis Ulama Indonesia memfatwakan keharusan wakaf tunai dengan syarat nilai pokok wang tersebut dipelihara serta dijamin kelestariannya.<sup>41</sup> Selain itu, Resolusi Majma' al-Fiqh al-Islāmī pada tahun 2004 menyatakan bahawa wakaf tunai adalah harus disisi syarak kerana maksud asal bagi wakaf adalah mengekalkan asal serta mengalirkan manfaat. Dalam wakaf tunai, terdapat kedua-dua maksud tersebut.<sup>42</sup>

## 2. Wakaf Manfaat

Dalam kitab fikah, wakaf tenaga atau disebut sebagai *waqf al-khadamāt* dibahaskan dalam kitab-kitab mereka. Sebahagian mazhab-mazhab lain mengklasifikasikan kategori ini dibawah perbahasan wakaf manfaat. Persoalannya, adakah tenaga kerja merupakan satu harta wakaf yang sah untuk diwakafkan? Bagi menjelaskan permasalahan ini, sesuatu harta itu terbahagi kepada '*ayniyyah*' (harta yang boleh disentuh oleh pancaindera) atau *manfa'ah* (harta yang tidak dapat disentuh pancaindera). Wakaf perkhidmatan boleh dikiasikan kepada manfaat melihat kepada ciri-cirinya yang menyerupai harta berupa manfaat-manfaat yang lain seperti hak penulisan dan idea.

Definisi manfaat daripada sudut bahasa adalah kebaikan iaitu suatu yang membawa kepada perkara yang diinginkan oleh manusia.<sup>43</sup> Semua perkara kebaikan disebut sebagai manfaat sama ada ia berbentuk fizikal ('*ayn*') yang diperoleh kebaikan dengannya atau melalui penggunaannya.<sup>44</sup>

---

<sup>41</sup> Majelis Ulama Indonesia, *Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia* (Jakarta: Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam dan Penyelenggaraan Haji, 2003).

<sup>42</sup> International Islamic Fiqh Academy, 'Resolusi Bernombor 140 (15/6)', *Resolusi Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, <https://iifa-aifi.org/ar/2157.html>, 11 Mac 2004.

<sup>43</sup> Ibn Manzūr, Muḥammad ibn Mukarram, *Lisān al-'Arab*, vol. 8, 359.

<sup>44</sup> 'Atiyyah al-Sayyid Fayyād, 'Waqf al-Manāfi' fī al-Fiqh al-Islāmī', (Mu'tamar al-Thani li al-Awqaf, Jami'ah Umm al-Qura, Syawal 1427H), 8.

Terdapat dua pandangan ulama dalam isu wakaf manfaat berdasarkan konsep wakaf yang dipelopori oleh mazhab mereka.<sup>45</sup>

Pandangan pertama adalah pandangan jumhur fuqaha iaitu manfaat tidak boleh diwakafkan kerana tidak memenuhi syarat-syarat wakaf. Berdasarkan pandangan jumhur, sebagai contoh, mazhab Shāfi‘ī tidak mengharuskan wakaf seorang hamba agar berkhidmat kepada masyarakat sekalipun hamba tersebut boleh dimiliki selamanya melalui wasiat.<sup>46</sup>

Pandangan kedua adalah pandangan mazhab Mālikī yang mengharuskan wakaf manfaat. Menurut pandangan ini, wakaf bertujuan memberikan manfaat kepada *mawqūf* dan ia boleh diperoleh melalui wakaf manfaat. Keharusan wakaf manfaat ini bersandarkan kepada beberapa hujah antaranya adalah:<sup>47</sup>

- Tiada dalil yang melarang sedemikian. Maka wakaf manfaat kembali hukum asal dalam muamalat iaitu harus.
- Asal bagi wakaf adalah manfaat wakaf itu sendiri. Manakala fizikal (*‘ayn*) sesuatu harta wakaf adalah mengiringi (*tābi* ‘) manfaat kerana tidak mungkin terhasilnya manfaat tanpa kewujudan *‘ayn*.
- Tiada dalil yang *ṣarīḥ* mensyaratkan sifat *ta’bīd* pada keharusan wakaf. *Ta’bīd* tersebut merupakan suatu ijtihad, maka asal kepada nas adalah tidak mensyaratkan *ta’bīd* pada wakaf.

Bersandarkan kepada hujah-hujah ini, mazhab Maliki mendefinisikan harta wakaf (*mawqūf*) sebagai semua perkara yang dimiliki sama ada zat atau manfaat.<sup>48</sup> Bagi menyokong hujah ini, penulis membawakan suatu masalah berkaitan *istibdāl* wakaf yang disebut oleh al-Kharshī al-Mālikī mengenai isu suatu harta wakaf yang tidak boleh diganti dengan harga yang sama dengan harta wakaf yang asal. Perkara ini disebutkan di dalam kitab *Sharḥ al-Kharshī al-Mālikī*:

<sup>45</sup> Wizārah al-Awqāf, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, vol. 39, 108.

<sup>46</sup> Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Khaṭīb al-Sharbīnī al-Shāfi‘ī, *Mughnī al-Muḥtāj ilā al-Ma‘rifah Ma‘ānī al-Alfāz al-Minhāj*, 526.

<sup>47</sup> Dibyān bin Muḥammad Dibyān, *al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah Aṣālah wa Mu‘āṣarah*, vol. 16 (Riyāḍ: Maktabah al-Malik Fahd, 2013), 147.

<sup>48</sup> Aḥmad bin Muḥammad al-Ṣāwī al-Mālikī, *Hāshiyah al-Ṣāwī ‘alā al-Sharḥ al-Ṣaghīr*, vol. 2 (Qāhirah: Maktabah Muṣṭafā, 1952), 298.

فإذا وقف عبدا على خدمة المسجد ثم عجز ذلك العبد عن الخدمة  
للمسجد لكن يمكن أن يجعل بوابا فإنه يباع ويشترى بثمنه نصف عبد  
مثلا حيث لا يمكن شراء عبد كامل

*“Sekiranya seorang hamba diwakafkan untuk berkhidmat kepada masjid, dia tidak mampu untuk berkhidmat kepada masjid, tetapi dia mampu untuk berkhidmat sebagai penjaga pintu. Maka dia boleh dijual dan dibeli dengan separuh harga seorang hamba kerana tidak mampu dibeli hamba tersebut dengan harga yang penuh”.*<sup>49</sup>

Penyataan ini menunjukkan bahawa kemampuan seseorang hamba dalam melakukan tugas itu turut memberi kesan kepada nilai harta wakaf. Bertepatan dengan definisi *mawqūf* disisi Mālikīyah, manfaat juga dianggap sebagai harta yang bernilai serta boleh diwakafkan oleh seseorang.

Oleh itu, harus menurut mazhab Mālikī untuk mewakafkan manfaat haiwan tunggangan tanpa mewakafkan ‘*ayn* haiwan tersebut seperti mewakafkan tunggangannya atau membawa barang dengan menggunakan barang tersebut dengan syarat *mawqūf* tersebut dimiliki oleh pewakaf.<sup>50</sup> Pada masa kini, gambaran wakaf seperti ini boleh diberikan seperti seseorang mewakafkan penggunaan keretanya untuk pihak tertentu, atau mewakafkan manfaat rumahnya untuk didiami secara percuma oleh penerima manfaat wakaf. Namun, pemilikan ‘*ayn* harta tersebut masih berada pada pewakaf dan dia berhak menarik balik pada bila-bila masa. Isu ini merupakan perkara yang diperselisihkan dalam kalangan para ulama iaitu dalam isu syarat kekal pada *mawqūf*.

### 3. Syarat Kekal Pada *Mawqūf*

Perbincangan syarat kekal perlu diketengahkan kerana wakaf perkhidmatan melibatkan wang tunai yang merupakan upah kepada perkhidmatan yang diberikan. Dalam isu ini, jumhur fuqaha daripada mazhab Ḥanafī, Shāfi‘ī dan Ḥanbalī mensyaratkan elemen kekal pada *mawqūf* kerana asal pada wakaf adalah menghilangkan pemilikan pewakaf terhadap harta tersebut

<sup>49</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad al-Kharshī, *Sharḥ al-Kharshī ‘alā Mukhtaṣar Khalīl*, vol. 3 (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1317H), 95.

<sup>50</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 10 (Bayrūt, Lubnan: Dār al-Fikr, 1989), 7637.

tanpa had.<sup>51</sup> Selain itu, nas-nas mengenai wakaf seperti wakaf yang dilakukan oleh Saidina ‘Umar al-Khaṭṭāb dan Abū Ṭalḥah merujuk kepada wakaf aset yang bersifat kekal dan mengalir manfaatnya. Manakala menurut pandangan yang muktamad dalam mazhab Mālikī mengharuskan wakaf tunai dan wakaf makanan serta mereka tidak mensyaratkan kekal fizikalnya kerana tujuan berwakaf itu adalah untuk mendapat manfaat daripada harta tersebut.<sup>52</sup>

Dari sudut perundangan pula, terdapat beberapa frasa dalam enakmen yang boleh ditafsirkan sebagai berkaitan dengan syarat elemen kekal dalam harta wakaf. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003<sup>53</sup> dan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993<sup>54</sup> memperuntukkan secara jelas bahawa ciri-ciri wakaf hendaklah bersifat kekal. Manakala Enakmen Wakaf bagi tiga buah negeri iaitu negeri Selangor, Melaka, dan Negeri Sembilan langsung tidak menyebutkan keperluan sesuatu wakaf bersifat kekal.<sup>55</sup> Oleh itu, Enakmen-Enakmen Negeri-Negeri di Malaysia sendiri mempunyai perbezaan dalam definisi wakaf sehingga menyebabkan mungkin berlaku pelbagai tafsiran mengenai elemen kekal dalam harta wakaf ini. Walau bagaimanapun, pengurusan wakaf oleh pihak nazir akan dinilai oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri sebelum meluluskan sebarang perkara berkaitan skim-skim wakaf yang baru untuk dilaksanakan. Penghujahan dari perspektif hukum syarak menjadi keutamaan bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri serta kajian dari sudut kesan fatwa (*ma’ ālāt*) kepada masyarakat juga diambil kira.

#### 4. *Tarjīh*

Berdasarkan pandangan para ulama dalam isu di atas serta kepelbagaian takrifan yang diberikan oleh mereka dan ahli akademik dalam wakaf perkhidmatan. Penulis tidak bersetuju untuk mendefinisikan wakaf perkhidmatan kepada semata-mata pekerjaan yang diberikan secara percuma kerana beberapa alasan:

<sup>51</sup> Wizārah al-Awqāf, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, vol. 44, 123.

<sup>52</sup> Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Arfaḥ al-Dusūqī, *Hāshiah al-Dusūqī ‘alā al-Sharḥ al-Kabīr*, 77.

<sup>53</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003

<sup>54</sup> Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).

<sup>55</sup> Syahnaz Sulaiman, Aznan Hasan, Siti Mashitoh Mahamood & Ahmad Azam Sulaiman, *Transformasi Pembangunan Hartanah Wakaf Menerusi Dana Amanah Hartanah Islam* (Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Islam Sains Malaysia, 2021), 38.



- **Pertama:** Ia menyerupai kerja sukarelawan yang dilakukan secara meluas dalam kerja-kerja kebajikan, sedangkan wakaf mestilah tertakluk kepada rukun-rukunnya iaitu *wāqif*, *ṣīghah*, *mawqūf ‘alayh* dan *mawqūf bih*.
- **Kedua:** Sekiranya pewakaf melafazkan *ṣīghah* yang merujuk kepada wakaf, sedangkan intinya adalah kerja sukarelawan secara umum, maka ia tidak boleh menjadi wakaf berdasarkan kaedah asas dalam muamalat iaitu *al-‘ibrah fī al-‘uqūd li al-ma‘ānī dūn al-alfāz* yang bermaksud keputusan pada suatu akad itu adalah bergantung kepada intipatinya dan bukan kepada lafaz semata-mata.<sup>56</sup> Oleh itu, menganggap kerja sukarelawan sebagai wakaf perkhidmatan hanya disebabkan oleh lafaz pelaku tidak mengubah status sesuatu itu daripada sumbangan tenaga secara sukarela kepada wakaf.
- **Ketiga:** Sumbangan kepakaran atau perkhidmatan merupakan suatu pekerjaan yang layak diberi upah kerana ia dianggap sebagai harta menurut jumhur fuqaha.<sup>57</sup> Oleh itu, *mawqūf* bagi wakaf perkhidmatan adalah nilai pekerjaan itu sendiri.
- **Keempat:** Istilah wakaf perkhidmatan merupakan istilah yang bersifat *ijtihādī* serta tidak disebutkan secara langsung oleh para ulama terdahulu. Justeru, pelaksanaannya adalah bersifat terbuka kepada pelbagai cadangan dalam pembangunan harta wakaf.

Atas alasan ini, penulis berpandangan bahawa wakaf perkhidmatan mesti memberi nilai tambah kepada harta seseorang atau kepada harta wakaf iaitu melalui bayaran upah kepada perkhidmatan tersebut. Menurut penulis, wakaf perkhidmatan boleh didefinisikan sebagai sumbangan manfaat kepada masyarakat awam atau kepada individu tertentu dengan mewakafkan bayaran upah perkhidmatan tersebut kepada badan wakaf. Frasa-frasa di dalam definisi ini merujuk kepada perkara berikut:

- Berbentuk sumbangan manfaat. Definisi ini mengeluarkan sumbangan wakaf berbentuk *‘ayn* sama ada aset alih ataupun tidak alih seperti wakaf tanah, peralatan dan lain-lain.
- Wakaf perkhidmatan hendaklah diberikan kepada masyarakat awam (*jīhah ‘āmmah*) atau secara khas kepada individu tertentu.

<sup>56</sup> Muḥammad bin Aḥmad al-Sarakhsī, *al-Mabsūṭ*, vol. 22 (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 2007), 23.

<sup>57</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 4, 2877.

- Upah sumbangan tenaga tersebut dibayar seperti biasa mengikut kadar kebiasaan. Namun, upah tersebut diwakafkan kepada mana-mana badan wakaf secara wakaf tunai oleh orang yang berwakaf dengan wakaf perkhidmatan.

*Takyīf fiqhī* kepada wakaf perkhidmatan menurut definisi ini boleh dikategorikan kepada tiga iaitu:

- **Pertama:** Berlaku wakaf tunai yang diwakafkan oleh pewakaf melalui upah tenaga kerja yang diperolehinya. *Takyīf* ini juga sah menurut jumhur fuqaha walaupun mereka tidak mengharuskan wakaf manfaat.
- **Kedua:** Berlaku wakaf manfaat yang sah menurut pandangan mazhab Mālikī. Pewakaf mewakafkan manfaat tenaga pakar yang dilakukannya secara percuma kepada masyarakat. Melalui *takyīf* ini, institusi wakaf tidak semestinya mendapat bayaran berbentuk wang melalui wakaf tunai daripada pewakaf. Ia juga dianggap sebagai kerja sukarelawan yang dilakukan oleh kebanyakan individu atau kumpulan yang juga digalakkan dalam Islam.
- **Ketiga:** Upah tenaga pakar dibayar kepada individu tersebut dengan menggunakan dana tabung wakaf tunai menurut pendapat mazhab Mālikī yang mengharuskan wakaf harta yang tidak kekal seperti makanan dan sebagainya.

Penulis cenderung kepada *takyīf fiqhī* yang pertama iaitu pandangan bahawa wakaf tenaga kerja dibayar mengikut kadar upah kebiasaan dan pewakaf mewakafkan upah tersebut kepada badan wakaf. Ia juga boleh dianggap suatu kerja kebajikan yang dianggap sedekah dalam Islam. Hal ini kerana bertaklid kepada pandangan mazhab Mālikī yang mengharuskan wakaf harta tidak kekal boleh menjejaskan keistimewaan ibadah wakaf yang mensyaratkan elemen kekal sebagaimana pandangan jumhur. Keistimewaan ini mampu mengekalkan aliran manfaat kepada *mawqūf ‘alayh* (penerima wakaf) serta menyebabkan pewakaf mendapat pahala yang berterusan sehingga selepas mati.

Selain itu, pandangan ini lebih selamat daripada risiko salah guna serta dapat mengekalkan kepercayaan masyarakat kepada insitusi wakaf. Ini juga merupakan keistimewaan ibadah wakaf yang tidak ada pada ibadah lain seperti zakat dan sedekah.

Bertepatan dengan kaedah fiqh “*khurūj min al-khilāf mustahab*”<sup>58</sup> yang bermaksud keluar daripada khilaf adalah digalakkan, beramal dengan pandangan yang disepakati oleh para ulama akan keharusannya adalah lebih menepati kaedah berfatwa. Malah, sehingga kini belum ada keperluan mendesak sehingga memaksa badan kefatwaan berfatwa dengan pandangan yang mengharuskan wang tunai. Bagi tujuan bayaran upah perkhidmatan, sumber-sumber lain seperti sedekah, hasil wakaf, bantuan kerajaan dan sebagainya hendaklah dimanfaatkan berbanding menggunakan nilai tabung wakaf tunai. Sebagaimana yang telah dijelaskan, bertepatan dengan elemen kekal pada wakaf, tabung wakaf tunai itu digunakan bagi membeli aset wakaf dalam keadaan nilai asal dalam tabung itu dikekalkan.

Berdasarkan definisi wakaf perkhidmatan yang telah dinyatakan oleh penulis, wakaf perkhidmatan adalah sumbangan manfaat kepada masyarakat sama ada berbentuk tenaga pakar atau selainnya dengan mewakafkan bayaran upah perkhidmatan tersebut kepada badan wakaf.

Pandangan ini merupakan suatu bentuk wakaf manfaat yang praktikal dengan meraikan pandangan jumbuh. Secara asasnya, upah tenaga kerja yang diperoleh oleh seorang pewakaf adalah miliknya. Lalu, pewakaf memberikan upah tersebut kepada institusi wakaf secara wakaf tunai.

## **CADANGAN APLIKASI WAKAF PERKHIDMATAN DALAM PENGURUSAN WAKAF**

Umum mengetahui bahawa wakaf meliputi pelbagai sektor seperti kesihatan, pendidikan, hartanah, keagamaan dan lain-lain. Kesemua sektor tersebut memerlukan kepada tenaga kerja bagi menggerakannya serta menyampaikan manfaat yang berterusan kepada pihak *mawqūf*.

Menurut perspektif ilmu fikah, wakaf perkhidmatan boleh dilihat menerusi tiga *takyīf* seperti yang telah dijelaskan di atas. Ketiga-tiga *takyīf* ini, sesuai dengan model wakaf perkhidmatan yang dicadangkan oleh penulis dalam pembangunan wakaf di Malaysia. Model ini berbentuk umum untuk tenaga pakar dalam mana-mana sektor seperti pensyarah, doktor perubatan, arkitek, pegawai masjid, jurutera dan sebagainya yang berhasrat menyumbangkan khidmat kepakaran mereka untuk umat.

---

<sup>58</sup> Muḥammad Muṣṭafā al-Zuhaylī, *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, vol. 2 (Damshiq: Dār al-Khayr, 2006), 450.

Bagi merealisasikan dan menggalakkan wakaf perkhidmatan daripada tenaga pakar. Pihak pengurusan sesebuah perkhidmatan perlu mencari jalan kreatif untuk meningkatkan sumbangan sosial mereka kepada masyarakat awam. Penglibatan sektor korporat dalam pengurusan dan pembangunan aset wakaf merupakan suatu etika terpuji dunia korporat yang tidak hanya berfokuskan kepada kegiatan yang bersifat keuntungan semata-mata.<sup>59</sup> Berikut merupakan cadangan aplikasi wakaf perkhidmatan dalam pengurusan wakaf yang boleh diusahakan oleh penggerak wakaf di Malaysia, iaitu:

**Pertama** - Pihak pengurusan wakaf boleh memberikan tawaran-tawaran tertentu terhadap mereka yang memberikan khidmat secara percuma antaranya ialah melalui pemotongan cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Dari sudut perundangan, pihak LHDN menerima hasil sosial seperti zakat, dan wakaf bagi mendapatkan potongan cukai berdasarkan Akta Cukai Pendapatan 1967.<sup>60</sup> Malah, keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa (MKI) kali ke-77 turut menyatakan bahawa harta wakaf harus diberikan rebat dan pengecualian cukai tanah.<sup>61</sup>

Kaedah potongan cukai ini ditawarkan kepada syarikat-syarikat korporat atau individu sebagai salah satu daripada skim wakaf yang dipelopori oleh Pusat Wakaf Negeri. Cadangan ini dinamakan sebagai Skim Wakaf Perkhidmatan serta dilaksanakan melalui potongan gaji tenaga pakar mengikut nilai jam bekerja yang ingin diwakafkan oleh seseorang tenaga pakar. Upah jam bekerja yang mereka sumbangkan kepada masyarakat diwakafkan melalui potongan cukai pendapatan.

Bagi melaksanakan cadangan ini, bahagian sumber manusia boleh mendaftarkan nama pakar yang berkhidmat dalam sistem. Pihak pengurusan hendaklah membuat resit upah perkhidmatan yang dilakukan oleh mereka dan mendaftarkannya sebagai wakaf perkhidmatan. Seterusnya dokumen tersebut diserahkan kepada LHDN bagi mendapatkan rebat cukai pendapatan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Berikut disertakan rajah bagi menerangkan konsep aplikasi wakaf perkhidmatan dalam pengurusan wakaf.


---

<sup>59</sup> Sheikh Muhamad Hizam et al., 'Corporate Social Responsibility in Malaysia', *International Journal of Financial Research*, vol. 10/5 (2019): 384.

<sup>60</sup> Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN). Garis Panduan Permohonan Untuk kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967 Bagi Wakaf. Perkara 12.1

<sup>61</sup> Muzakarah Jawatankuasa Fatwa (MKI) kali ke-77 pada 10-12 April 2007, Pengecualian atau Remitan Cukai Tanah Terhadap Harta Wakaf.

Rajah 1: Model Skim Wakaf Perkhidmatan



Sumber: Kajian Zubair Amir, 2024

Secara umumnya, kesemua tenaga pakar tetap akan mendapat gaji dan elaun mereka atas khidmat yang diberikan dengan kadar kebiasaan. Namun, mereka diberi pilihan untuk menentukan waktu tertentu untuk dimasukkan sebagai slot wakaf perkhidmatan. Gaji mereka pada waktu tersebut akan dibayar seperti biasa dalam bentuk resit wakaf dan akan diserahkan kepada pihak LHDN bagi mendapatkan potongan cukai pendapatan. Perkara ini tentunya tidak terlalu membebankan para doktor disamping memberi peluang kepada mereka untuk berkhidmat kepada asnaf.

**Kedua** - Pihak syarikat boleh menganjurkan program kerja sukarelawan yang dijenamakan sebagai wakaf perkhidmatan. Di samping menganjurkan kerja-kerja kesukarelawanan, pihak syarikat boleh memberikan markah (*points*) kepada pekerja yang menyertai program ini dan menyenaraikannya sebagai suatu latihan. Pihak syarikat juga boleh menentukan *points* tertentu sebagai syarat kenaikan pangkat, kenaikan gaji atau sebagainya. Aktiviti yang dirancang mestilah perkhidmatan berbentuk kepakaran seperti pengajaran al-Quran, pemeriksaan kesihatan, tuisyen kepada pelajar sekolah, dan lain-lain khidmat yang diberikan secara percuma. Perkara ini dapat menggalakkan orang ramai khususnya warga kerja terlibat dengan aktiviti kebajikan.

Rumusannya, wakaf perkhidmatan merupakan aktiviti sukarelawan yang merupakan suatu sumbangan manfaat kepada orang ramai. Perkara ini

bertepatan dengan objektif pensyariatan wakaf untuk menjadi medan menyampaikan kebaikan kepada masyarakat sama ada masyarakat Islam atau tidak, menggalakkan perbuatan menyumbang atau kerja sukarela. Selain itu, wakaf juga merupakan sebagai wasilah seseorang mendekati diri kepada Allah SWT (*taqarrub*).

## **KESIMPULAN**

Ibadah wakaf berupaya membangunkan sosio-ekonomi sesebuah masyarakat yang merangkumi pelbagai aspek keperluan asas seperti pendidikan, kesihatan, ibadah, dan ekonomi. Wakaf mempunyai keistimewaannya berbanding zakat dan sedekah kerana wujudnya elemen kekal dalam harta wakaf bagi memastikan manfaatnya terus mengalir. Pengurusan harta wakaf hendaklah bersifat holistik dan cekap merangkumi pengurusan kos-kos yang terhasil daripada aset-aset wakaf seperti bangunan, masjid, hospital dan sebagainya. Wakaf tidak terhad kepada aset-aset fizikal semata-mata, bahkan perkhidmatan kemanusiaan juga mestilah diberikan perhatian.

Justeru, konsep wakaf perkhidmatan dibahaskan dalam artikel ini dengan menengahkan isu-isu keharusan wakaf harta alih, wakaf manfaat, dan syarat kekal yang telah dihuraikan oleh para ulama. Penulis berpandangan bahawa wakaf perkhidmatan adalah sumbangan manfaat kepada masyarakat sama ada berbentuk tenaga pakar atau selainnya dengan mewakafkan bayaran upah perkhidmatan tersebut kepada badan wakaf. Konsep ini dihukumkan sebagai harus berdasarkan pandangan yang mengharuskan wakaf tunai. *Takyīf fiqhī* konsep ini adalah pewakaf melakukan wakaf tunai daripada upah tenaga kerja yang diperolehinya dan ia dihukumkan sah menurut jumhur fuqaha walaupun mereka tidak mengharuskan wakaf manfaat. Sumbangan tenaga ini juga boleh dianggap sebagai sedekah atau bantuan yang dituntut oleh syarak. Penulis berpandangan tiada halangan untuk menggunakan apa-apa istilah seperti wakaf tenaga, perkhidmatan, *al-khadamāt* dan sebagainya dalam perkara ini kerana ia termasuk dalam istilah yang bersifat *ijtihādī*. Keharusan dana wakaf perkhidmatan ini bakal memberikan kesan positif kepada pengurusan harta wakaf serta menggalakkan pakar-pakar dalam bidang masing-masing menyumbangkan kepakaran mereka kepada masyarakat yang bakal memberikan impak positif kepada pengurusan harta wakaf sedia ada.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dilakukan di bawah Geran Khas Penyelidikan (GKP) Tahun 2022 (No. UMG018L-2022), Universiti Malaya yang bertajuk “Pembangunan Wakaf Kesihatan di Malaysia Menurut Perspektif Hukum Islam”.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Rahman bin Muḥammad bin Qāsim al-Ḥanbalī, *Ḥāshiyah al-Rawḍ al-Murabba‘ Sharḥ Zād al-Mustaḥḥa*’, vol. 5 (t.t.p.: t.p., 1977).
- ‘Alā’ al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Sulaymān al-Mardāwī, *al-Inṣāf fī Ma‘rifah al-Rājiḥ min al-Khilāf*, vol. 7 (Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1431H).
- ‘Aṭīyyah al-Sayyid Fayyād, ‘Waḥf al-Manāfi‘ fī al-Fiqh al-Islāmī’, (Mu’tamar al-Thani li al-Awqaf, Jami‘ah Umm al-Qura, Syawal 1427H).
- Abū ‘Abd Allāh Muḥammad al-Kharshī, *Sharḥ al-Kharshī ‘alā Mukhtaṣar Khalīl*, vol. 3 (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1317H).
- Abū Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf al-Nawawī, *Sharḥ al-Nawawī ‘alā Muslim*, vol. 11 (Bayrūt, Lubnan: Dār Iḥyā’ Turāth ‘Arabī, 1392H).
- Aḥmad bin Muḥammad al-Šāwī al-Mālikī, *Ḥāshiyah al-Šāwī ‘alā al-Sharḥ al-Šaghīr*, vol. 2 (Qāhirah: Maktabah Muṣṭafā, 1952).
- Dibyān bin Muḥammad Dibyān, *al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah Aṣālah wa Mu‘āṣarah*, vol. 16 (Riyāḍ: Maktabah al-Malik Fahd, 2013).
- Doni Setiadi, ‘Wakaf Profesi Dalam Perspektif Fiqh dan Undang-Undang Wakaf di Indonesia (Studi di Pondok Modern Tazakka)’ (Disertasi Master, Ilmu Agama Islam, Hukum Keluarga, UIN Walisongo, Semarang, 2019).
- Farah Nadia Abbas, ‘Shariah Compliant Best Practice Tenancy Management Framework For Commercial Waqf Properties’ (Ph.D Tesis, Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia, 2019).
- Hanneeyzah Bariah Baharin, ‘Doktor, Pensyarah Boleh Wakaf Perkhidmatan’, *Berita Harian*, <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/07/590951/doktor-pensyarah-boleh-wakaf-perkhidmatan>, diakses 31 Julai 2019.

- Ḥasan Muḥammad Rifā'ī, *Waqf al-'Amal al-Mu'aqqat fī al-Fiqh al-Islāmī* (Kertas Kerja Mu'tamar al-Thānī li al-Awqāf, Jāmi'ah Umm al-Qurā, Makkah al-Mukarramah, al-Sa'ūdiyyah, 2006).
- Ibn Manzūr, Muḥammad ibn Mukarram, *Lisān al-'Arab* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1990).
- Ibn 'Ābidīn, *Hāshiyah Radd al-Muḥtār*, vol. 4 (Bayrūt: Dār al-Fikr, 2000).
- International Islamic Fiqh Academy, 'Resolusi Bernombor 140 (15/6)', *Resolusi Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, <https://iifa-aifi.org/ar/2157.html>, 11 Mac 2004.
- Al-Jurjānī, 'Alī bin Muḥammad bin 'Alī al-Jurjānī, *al-Ta'rīfāt* (Bayrūt: Dār al-Kutub 'Ilmiyyah, 1983).
- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), *Garis Panduan Permohonan Untuk kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967 Bagi Wakaf*.
- Majelis Ulama Indonesia, *Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia* (Jakarta: Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam dan Penyelenggaraan Haji, 2003).
- Mohd. Fairuz Md. Salleh et al., *Perakaunan Aset Wakaf di Malaysia: Cadangan Pengolahan Perakaunan dan Pelaporan*, ed. Salmy Edawati Yaacob (Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), 2022).
- Muḥammad bin Aḥmad bin 'Arfaḥ al-Dusūqī, *Hāshiah al-Dusūqī 'alā al-Sharḥ al-Kabīr*, vol. 4 (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1431H).
- Muḥammad bin Aḥmad al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, vol. 22 (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, 2007).
- Muhammad Firdaus Ab Rahman, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi, Azman Ab Rahman & Siti Farahiyah Ab Rahim, 'Peranan Wakaf Dalam Mendepani Pendemik Covid-19', *Journal of Fatwa Management and Research*, vol. 22/1 (2020): 49-64, <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol22no1.323>.
- Muhammad Ikhwan Megat Saidi, Mat Noor Mat Zain & Salmy Edawati Yaacob, 'Wakaf Perkhidmatan Menurut Perspektif Islam', *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, vol. 31/1 (2023).
- Muḥammad Muṣṭafā al-Zuḥaylī, *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, vol. 2 (Damshiq: Dār al-Khayr, 2006).



- Muhammad Tariq Rahmalan & Mohd Fauzi Abu Hussin, 'A Systematic Review of Contemporary and Innovative *Waqf* Sources: Cash and Service *Waqf*', *Jurnal Syariah*, vol. 29/2 (2021): 257-284, <https://doi.org/10.22452/js.vol29no2.5>.
- Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim* vol. 5 (Turkiyā: Dār al-Ṭibā'ah al-'Āmarah).
- Perbadanan Wakaf Selangor, 'Produk Wakaf Selangor', *Perbadanan Wakaf Selangor*, <https://www.wakafselangor.gov.my/produk-wakaf-selangor/>, diakses 5 Januari 2024.
- Al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān Tafsīr al-Qurṭubī*, vol. 20 (Qāhirah: Dār al-Kutub 'Ilmiyyah, 1964).
- Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Khaṭīb, *al-Iqnā' fī Ḥal al-Alfāz Abī Shujā'* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1431H).
- Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Khaṭīb al-Sharbīnī al-Shāfi'ī, *Mughnī al-Muḥtāj ilā al-Ma'rifah Ma'ānī al-Alfāz al-Minhāj*, vol. 3 (Cairo, Egypt: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1994M/1415H).
- Shawqī Aḥmad Dunyā, 'Waqf al-Manāfi' wa al-Huqūq', *Mu'tamar al-Thānī li al-Awqāf bi al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah* (Madīnah: Jāmi'ah Um al-Qurā, 2006).
- Sheikh Muhamad Hizam et al., 'Corporate Social Responsibility in Malaysia', *International Journal of Financial Research*, vol. 10/5 (2019).
- Syahnaz Sulaiman, Aznan Hasan, Siti Mashitoh Mahamood & Ahmad Azam Sulaiman, *Transformasi Pembangunan Hartanah Wakaf Menerusi Dana Amanah Hartanah Islam* (Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Islam Sains Malaysia, 2021).
- Al-Syirazi, Abū Ishāq Ibrāhīm bin 'Alī bin Yūsuf, *al-Muhadhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī*, vol. 2 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.).
- Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, vol. 10 (Bayrūt, Lubnan: Dār al-Fikr, 1989).
- Wizārah al-Awqāf, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* (Kuwait: Dār al-Salāsīl, 2010).
- Zayn al-Dīn ibn Nujaym al-Ḥanafī, *al-Baḥr al-Rā'iq fī Sharḥ al-Kanz al-Daqā'iq*, vol. 5 (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, t.t.).

**Statut**

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999.

Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005.

Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005